

28 FEB 2001

BFA-RUMUSAN

PERTALIAN EKONOMI ASIA YANG LEBIH ERAT TERPANCAR DI BOAO

Oleh: Yong Soo Heong

BOAO (Hainan), 28 Feb (Bernama) -- Untuk beberapa hari, Hainan dilanda angin ribut dan hujan.

Tetapi apabila Forum Baoa Untuk Asia (BFA) dilancarkan pada 27 Feb, suria memancarkan sinar cerahnya -- satu petanda yang baik bagi forum yang menumpu kepada membawa masa depan yang lebih cerah bari Asia menerusi kerjasama ekonomi yang lebih erat.

Sehingga 27 Feb, tiada mekanisma atau peraturan di Asia yang menyediakan forum bagi menggalak dan merealisasikan matlamat-matlamat sosio ekonomi menerusi dialog, kerjasama dan penyelarasan dari perspektif Asia.

Kini BFA yang terhasil daripada usaha-usaha ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin veteran untuk mengukuhkan hubungan ekonomi di kalangan negara-negara Asia, akan bertindak sedemikian. Ia akan membantu negara-negara Asia mengetengahkan isu-isu yang berbeza dengan lebih baik dari perspektif Asia.

Tetapi setiausaha agungnya, Tan Sri Ajit Singh, pantas memaklumkan bahawa ia tidak akan menjadi "talk-shop" (tempat di mana hanya ucapan-ucapan kosong disuarakan) seperti yang dilihat di forum antarabangsa lain.

BFA, katanya, akan mengusahakan pelan tindakan konkrit untuk faedah negara-negara Asia dan ia akan disokong oleh institut penyelidikan yang akan ditubuhkan.

BFA kini mempunyai keanggotaan wakil-wakil dari 25 negara Asia yang telahpun bergerak ke arah pembentukannya. Ajit berkata keanggotaan BFA juga terbuka kepada syarikat-syarikat kerana BFA bukan merupakan badan kerajaan dan bukan badan politik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menjelaskan pembentukan BFA, berkata bahawa dengan keperluan bagi Asia untuk meningkatkan pelaburannya dalam pembangunan sumber manusia bagi negara-negara Asia menghadapi cabaran masa depan, satu-satunya cara untuk mengatasi masalah adalah dengan bekerjasama.

Kerjasama serantau bukan lagi satu pilihan tetapi keperluan strategik, beliau menegaskan.

"Dengan mengadakan satu barisan padu, kita di Asia berada di kedudukan yang lebih baik untuk menentukan apa yang kita sebagai penduduk Asia harus terima, tolak atau ubahsuai," katanya.

Nguyen Manh Cam, timbalan perdana menteri Vietnam, berkata kini wujud asas-asas teguh untuk membawa Asia ke jauh hadapan bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam menangani kebuluran dan kemiskinan, dan mengurangkan jurang dari segi pembangunan ekonomi di antara negara-negara yang lebih maju dan yang kurang maju.

Beliau berkata: "Meningkatkan kualiti hidup dan membawa kemakmuran ke Asia adalah peranan menyukarkan dalam konteks semasa. Walaupun banyak kerajaan-kerajaan kita terlibat dalam program menghapus kemiskinan sebahagian besar rakyat di negara-negara kita hanya untuk meneruskan kehidupan, kemewahan masih merupakan angan-angan bagi kebanyakan mereka.

"Sebab itulah kita semua berkumpul untuk mencapai matlamat kita dengan berkesan. Forum Boao dijangka akan menjadikan ia berlaku."

Presiden Korea Selatan Kim Dae-Jung, dalam ucapan tahniah beliau ke atas penubuhan BFA, berkata adalah mustahak bagi negara-negara Asia mencari jalan untuk mempererat kerjasama dalam pembangunan ekonomi dan sosial serantau, dan bersatu padu.

Virabongsa Ramangkura, bekas timbalan perdana menteri Thailand, berkata bahawa, ekoran daripada penubuhan BFA, Asia kini boleh memainkan peranan yang lebih besar di setiap forum antarabangsa.

"Kedudukan sosio politik dan ekonomi kita, nilai-nilai kita, amalan-amalan kita dan budaya kita harus diketengahkan dan diiktiraf sebelum sebarang kemuafakatan global dicapai. Masanya telah tiba bagi kita bersatu dan membina kemuafakatan dan identiti kita sendiri agar kita bukan hanya satu suara di daerah terbiar," katanya.

Virabongsa berkata oleh kerana Asia tidak mendapat perwakilan yang mencukupi di forum-forum rundingan antarabangsa, negara-negara Asia telah dipaksa menerima standard dan amalan yang cenderung ke arah Amerika Syarikat atau Eropah Barat. Ini termasuk piawaian-piawaian perakaunan dan perbankan, dan sistem kehakiman yang asing kepada budaya Asia.

"Saya tidak mencadangkan bahawa kita adalah yang terbaik tetapi sekurang-kurangnya ia berjalan dengan baik bagi kita pada masa lepas. Saya tidak berkata kita tidak akan berubah sama sekali tetapi kita memerlukan masa dan pertimbangan berhemat bagi menyesuaikan diri dengan suasana baru," katanya.

Lee Soo-Sung, bekas perdana menteri Korea Selatan, berkata integrasi ekonomi Asia berfaedah dan dikehendaki bukan sahaja untuk Asia tetapi seluruh ekonomi global.

Beliau berkata sekiranya Asia telah mengadakan mekanisma kerjasama penuh untuk transaksi ekonomi dan kewangan lebih awal, ia mungkin tidak akan mengalami krisis kewangan yang teruk.

Dan proses pemulihan mungkin lebih mudah, kata Lee yang menyifatkan penubuhan BFA sebagai bererti dan tepat pada masanya kerana tahap integrasi ekonomi masih belum memuaskan bila dibandingkan dengan Eropah dan Amerika Utara.

Sementara itu bagi penduduk Boao, persekitaraannya mungkin tidak akan sama seperti dahulu. Mereka akan menyaksikan pemimpin-pemimpin Asia, ahli-ahli perniagaan dan cendikiawan-cendikiawan datang lebih kerap.

Ia merupakan permulaan kecil bagi tempat ini yang dahulunya merupakan perkampungan nelayan, kerana terdapat rancangan bagi pembangunan pusat peranginan bertaraf dunia seluas 41.8 kilometer persegi yang dikenali sebagai Boao Aquapolis yang akan diljalankan oleh Hainan Boao Investment Holdings Ltd, penaja utama BFA.

Boao akan menjadi papan tanda kepada permulaan pakatan ekonomi Asia dan masa depan yang lebih cerah bagi Asia. Ia akan menjadi penyuluh harapan rakyat Asia, penyuluh yang mungkin secerah matahari pada hari pelancaran BFA. -- BERNAMA

SHY SEL JR